

14/08/2003

Belum rasmi IAP ke-7 terakhir buat Dr Mahathir

TIDAK ada keputusan muktamad sama ada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan buat kali terakhir mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) Ketujuh, bulan depan, di Cyberjaya.

Ketua Pegawai Eksekutif, Multimedia Development Corp (MDC), Datuk Dr Mohamed Arif Nun berkata, keputusan sama ada IAP bulan depan adalah pembabitan terakhir Dr Mahathir pada mesyuarat berprestij itu masih terlalu awal untuk ditentukan.

Katanya, sehingga kini belum ada jawapan rasmi mengenai perkara itu walaupun Dr Mahathir dijangka melepaskan jawatannya sebelum akhir tahun ini.

"Berdasarkan perkembangan terkini yang menyaksikan Dr Mahathir begitu sibuk mempengerusikan pelbagai acara bertaraf antarabangsa, belum terbayang keputusan sama ada IAP bulan depan adalah pembabitan terakhir beliau pada mesyuarat itu.

"Pada peringkat ini terlalu awal untuk ditentukan semua itu kerana Dr Mahathir adalah penggerak utama IAP," katanya.

Mesyuarat pertama IAP berlangsung di Palo Alto, California pada 1997 dan tujuan utama diwujudkan mesyuarat itu untuk membolehkan ahli IAP yang disertai pakar teknologi, ketua syarikat gergasi teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dunia, bermesyuarat serta bertukar pendapat dengan Dr Mahathir bersama ahli IAP tempatan lain dalam memajukan MSC dan juga negara.

Memandangkan mesyuarat seperti ini amat penting, ia perlu diteruskan yang mana ramai pihak masih ingin pembabitan Dr Mahathir supaya Malaysia sentiasa dapat mengumpul maklumat terkini dalam perkembangan teknologi. Maklumat-maklumat ini amat penting dan membolehkan Malaysia menangani isu negatif yang mungkin akan menggugat pelaksanaan serta kemajuan projek MSC.

Ramai yang menganggap satu kehilangan besar sekiranya Dr Mahathir tidak terbabit secara langsung dalam perkembangan MSC dan IAP masa depan kerana beliau dianggap sebagai pelopor terhadap industri ini.

Kesungguhan negara memajukan diri dalam ICT dapat dilihat melalui fungsi Dr Mahathir sehingga seorang ketua pegawai eksekutif sebuah syarikat teknologi maklumat (IT) bertaraf dunia kagum dengan kesungguhan beliau.

"Saya kagum dengan beliau. Bayangkanlah, pada satu ketika, dalam satu masa beliau terpaksa menghadiri dua acara penting yang semuanya membabitkan kepentingan negara.

"Satu acara mengenai mesyuarat pembangunan negara yang diadakan di sebuah negara Barat, manakala satu lagi mengenai ICT di Malaysia.

"Selesai saja acara luar negara itu, beliau terus bergegas pulang ke Malaysia. Ini dilakukan hanya semata-mata untuk menyambut ketibaan dan bermesyuarat dengan pegawai IAP pada mesyuarat MSC di Cyberjaya," katanya.